



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani

# Voice of Academia

*Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*

**VoA 2021**

**Volume 17 Issue 1**



## **COMMITTEE PAGE**

### ***VOICE OF ACADEMIA***

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

#### ***Chief Editor***

Dr. Junaida Ismail

*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

#### ***Editorial Team***

Aishah Musa

*Academy of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Syahrini Shawalludin

*Faculty of Art and Design,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Etty Harniza Harun

*Faculty of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Khairul Wanis Ahmad

*Facility Management & ICT Division,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Suhaida Abu Bakar

*Academy of Contemporary Islamic Studies Department,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

#### ***Editorial Board***

Professor Dr M. Nauman Farooqi

*Faculty of Business & Social Sciences,  
Mount Allison University, New Brunswick, Canada*

Professor Dr Kiyomet Tunca Caliyurt

*Faculty of Accountancy,  
Trakya University, Edirne, Turkey*

Professor Dr Diana Kopeva

*University of National and World Economy,  
Sofia, Bulgaria*

Professor Dr Sivamurugan A/L Pandian

*Universiti Sains Malaysia, Malaysia*

Associate Professor Dr Wan Adibah Wan Ismail  
*Faculty of Accountancy,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Azlyn Ahmad Zawawi  
*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Azyyati Anuar  
*Faculty of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Neesa Amera Mohammed Salim  
*Faculty of Art & Design,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Muhamad Khairul Anuar Zulkepli  
*Academy of Contemporary Islamic Studies Department,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Mohd Nasir Ayub  
*Academy of Contemporary Islamic Studies Department,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

#### ***Content Reviewer***

Associate Professor Ts Dr Asmadi Mohammad Ghazali  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Fadzilah Azni Ahmad  
*Universiti Sains Malaysia*

Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Mahadir Ladisma @ Awism  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Noor Zahirah Mohd Sidek  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Rizaimy Shahrudin  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Yarina Ahmad  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Azita Ahmad Zawawi, Senior Lecturer  
*Universiti Putra Malaysia*

Dr Azyyati Anuar  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Azlyn Ahmad Zawawi  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr. Anida Mahmood  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Junaida Ismail  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Mahadzir Ismail  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Mohamed Samsudeen Sajahan  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr. Mohd Nasir Bin Ayub  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Norhidayah Ali  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr. Nur Hafeeza Binti Ahmad Pazil  
*Universiti Sains Malaysia*

Dr Nur Zafifa Kamarunzaman  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Radzliyana Radzuwan  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Siti Zuliha Razali  
*Universiti Sains Malaysia*

Dr Zubir Azhar  
*Universiti Sains Malaysia*

***Language Reviewer***

Dr Wan Irham Ishak  
*Universiti Teknologi MARA*

Aishah Musa  
*Universiti Teknologi MARA*

Bawani Selvaraj  
*Universiti Teknologi MARA*

Nor Aslah Adzmi  
*Universiti Teknologi MARA*


Norfaridatonasmah Abd Kadir  
*Universiti Teknologi MARA*

Samsiah Bidin  
*Universiti Teknologi MARA*

Shafina Md Salleh  
*Universiti Teknologi MARA*

Sharina Saad  
*Universiti Teknologi MARA*

e-ISSN: 2682-7840



**Copyright © 2021 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

# TABLE of CONTENTS

<b>POTENSI MASJID SEBAGAI PRODUK PELANCONGAN DI MALAYSIA</b> Azarudin Awang <sup>1</sup> , Zainuddin Zakaria <sup>2</sup> , Mohd Sabri Abdul Ghafar <sup>3</sup> , Noralisa Ismail <sup>4</sup> , Zuraini Jusoh <sup>5</sup>	<b>1 - 9</b>
<b>AN INVESTIGATION ON UNIVERSITY STUDENTS' PERCEPTIONS ABOUT ICEBREAKERS IN CLASSROOMS</b> Che Nooryohana Zulkifli <sup>1</sup> , Mohamad Putera Idris <sup>2</sup>	<b>10 - 19</b>
<b>A STUDY ON AIR POLLUTION INDEX IN SABAH AND SARAWAK USING PRINCIPAL COMPONENT ANALYSIS AND ARTIFICIAL NEURAL NETWORK</b> Norwaziah Mahmud <sup>1</sup> , Nur Elissa Syazrina Zulkifli <sup>2</sup> , Nur Syuhada Muhammat Pazil <sup>3</sup>	<b>20 - 29</b>
<b>CHARACTERISTIC PERFORMANCE CUSTOMER RELATION MANAGEMENT: A CASE STUDY TECHNOLOGY EDUCATION INSTITUTION IN MALAYSIA</b> Muhamad Fairos Mohamad Shah	<b>30 - 36</b>
<b>ILLEGAL STREET HAWKERS ISSUE FACING THE LOCAL AUTHORITIES IN SARAWAK: A CASE STUDY OF URBAN STREETS IN KUCHING CITY</b> Noni Harianti Junaidi <sup>1</sup> , Anisa Safiqah Othman <sup>2</sup>	<b>37 - 54</b>
<b>EMOJI &amp; EMOTICON-RELATED LEGAL ISSUES</b> Nor Azlina Mohd Noor <sup>1</sup> , Ahmad Shamsul Abd Aziz <sup>2</sup>	<b>55 - 62</b>
<b>GRADUATES' EMPLOYABILITY: ENHANCING STUDENTS' OVERALL PERFORMANCES</b> Fatin Adilah Razali <sup>1</sup> , Shafinaz Lyana Abu Talib <sup>2</sup> , Naqiah Awang <sup>3</sup>	<b>63 - 72</b>
<b>PLAYING E-SPORT AMONG UNIVERSITY STUDENTS: BENEFITS AND DISADVANTAGES</b> Nurul Nadiah Rasdi <sup>1</sup> , Ahmad Najmie Rusli <sup>2</sup>	<b>73 - 80</b>
<b>FACTORS FOR FINANCIAL RESTATEMENTS: CASE OF PUBLIC LISTED COMPANIES IN MALAYSIA</b> Shafinaz Lyana Abu Talib <sup>1</sup> , Fatin Adilah Razali <sup>2</sup> , Zaini Ahmad <sup>3</sup>	<b>81 - 96</b>
<b>PERCEIVED ORGANIZATIONAL SUPPORT AND JOB STRESS ON TURNOVER INTENTION: CONCEPTUAL PAPER</b> Roshidah Safeei	<b>97 - 104</b>
<b>IS EMERGING FOREIGN EXCHANGE MARKET EFFICIENT?</b> Soofiyah Aiman Sanadi <sup>1</sup> , Bee-Hoong Tay <sup>2</sup>	<b>105 - 115</b>
<b>THE IMPACT OF PERFORMANCE EXPECTANCY ON PURCHASING TRAVEL PRODUCTS VIA ONLINE TRAVEL AGENTS WEBSITES: GENDER AS MODERATOR</b> Safwan Marwin Abdul Murad <sup>1</sup> , Arunnaa a/p Sivapathy <sup>2</sup> , Annuar Aswan Mohd Nor <sup>3</sup>	<b>116 - 128</b>
<b>LOGAN MULTI-FUNCTIONAL DIGITAL CLOCK</b> Nik Nur Aneesa Zamzurri <sup>1</sup> , Norarifah Ali <sup>2</sup> , Izza Syahida Abdul Karim <sup>3</sup>	<b>129 - 152</b>
<b>HIBAH AL-UMRA DAN HIBAH AL-RUQBA DARI PERSPEKTIF MAZHAB AL-SYAFIE</b> Nurfarhana Mohd Daud <sup>1</sup> , Mohd Asyadi Redzuan <sup>2</sup> , Dziauddin Sharif <sup>3</sup> , Siti Noor Ain Binti Aziz <sup>4</sup> , Mahasin Saja@Mearaj <sup>5</sup> , Aflah Isa <sup>6</sup>	<b>153 - 162</b>
<b>KAJIAN KONSEPTUAL TENTANG KESEDARAN BERWAKAF DALAM KALANGAN KAKITANGAN UITM CAWANGAN KEDAH</b> Azyyati Anuar <sup>1</sup> , Rohayati Hussin <sup>2</sup> , Nurul Mazrah Manshor <sup>3</sup> , Noor Hidayah Kasim <sup>4</sup> , Daing Maruak Sadek <sup>5</sup>	<b>163 - 172</b>
<b>PREVENTION IS BETTER THAN CURE: A CASE OF PARENTS' DECISIONS OF CHILDREN VACCINATIONS</b> Johan Mukhlis Jan Zakri <sup>1</sup> , Mohd Nazir Rabun <sup>2</sup> , Mohamad Syafiqir Rahman Mohamad Nazir <sup>3</sup>	<b>173 - 192</b>
<b>PUBLIC INTENTION TO REPORT CHILD ABUSE IN MALAYSIA: A CROSS SECTIONAL STUDY</b> Nurul Hidayana Mohd Noor <sup>1</sup> , Sharifah Hanis Syamimi Ghazali <sup>2</sup> , Nurul Nabila Huda Abu Bakar <sup>3</sup>	<b>193 - 203</b>
<b>APLIKASI TEKNIK PEMOTONGAN LASER DALAM REKABENTUK PRODUK BATIK MERBOK</b> Normaziana Hassan <sup>1</sup> , Mas Ayu Zainal @ Ismail <sup>2</sup> , Zaidi Yusoff <sup>3</sup> , Ahmad Fazlan Ahmad Zamri <sup>4</sup>	<b>204 - 218</b>
<b>MASALAH BERKAITAN FORMAT SURAT RASMI DALAM KALANGAN PENSYARAH BAHASA DI UITM CPP</b> Raja Rosila Raja Berahim <sup>1</sup> , Noraziah Mohd Amin <sup>2</sup> , Nur Afiqah Ab. Latif <sup>3</sup> , Noor Azli Affendy Lee <sup>4</sup> , Melati Desa <sup>5</sup> , Che Nooryohana Zulkifli <sup>6</sup> , Boon Yih Mah <sup>7</sup>	<b>219 - 231</b>
<b>CONFLUENCE OF COSTUME AND MAKE UP IN DEFINING COMMUNISIM VIA INDEPENDENT DOCUMENTARY</b> Mohd Nor Shahizan Ali <sup>1</sup> , Neesa Ameerah Mohamed Salim <sup>2</sup> , Faryna Mohd Khalis <sup>3</sup>	<b>232 - 242</b>





## POTENSI MASJID SEBAGAI PRODUK PELANCONGAN DI MALAYSIA

Azarudin Awang<sup>1</sup>, Zainuddin Zakaria<sup>2</sup>, Mohd Sabri Abdul Ghafar<sup>3</sup>, Noralisa Ismail<sup>4</sup>,  
Zuraini Jusoh<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup>UiTM Terengganu, Dungun Campus

---

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received July 2020

Received in revised form Aug 2020

Accepted Oct 2020

Published Jan 2021

---

#### Keywords:

Pelancongan; Dakwah; Nilai Estetika; Masjid

#### Corresponding Author:

[azaru154@uitm.edu.my](mailto:azaru154@uitm.edu.my)

---

### ABSTRACT

*The mosque is an Islamic Syiar that is visible, clear and easily recognizable. In the time of Rasullullah S.A.W and the time of the Khulafa', the mosque played a major role in religious activities, society, culture, politics, education, and even the spread of Islam. The role and function of the mosque is likened to the heart of the Muslim community. If the heart is no longer functioning, the body will surely die. Realizing the function and role of mosques that are important to the Muslim community, great mosques of the world are built in grand and beautiful fashion as a symbol of Islamic strength and civilization. Mosques are built at very strategic locations, especially in settlement areas or large cities of the world. Mosques that are built with great aesthetic and architectural value may create attention and attract not only Muslims, but also non-Muslims visitors. The beautiful architecture of mosque has become an attractive tourism product that may attracts local and foreign tourists which may improve a country's economy. This paper aims to measure and highlight the potential of mosques as one of the tourism products in Malaysia under the category of Islamic tourism. Data were obtained from previous studies that discuses on studies related to mosques as a tourism product in Malaysia. The results of the study revealed that mosques as part of a tourism products has the potential to contribute to the development of the tourism industry through homestay activities, pilgrimages and worship at mosques; and 'Mosque Tourism' program. This study is significant because Malaysia has become a global tourist destination that offers various categories of tourism products that caters to both local and foreign tourists.*

*Rasullullah S.A.W dan zaman Khulafa', institusi masjid memainkan peranan yang besar dalam aktiviti keagamaan, kemasyarakatan, kebudayaan, politik, pendidikan, dan juga penyebaran agama Islam. Peranan dan fungsi masjid diibaratkan sebagai jantung kepada masyarakat Islam. Jika jantung tidak lagi berfungsi, pastinya jasad akan mati. Melihat kepada fungsi dan peranan masjid yang begitu penting kepada masyarakat Muslim, maka masjid-masjid utama di dunia dibina dengan begitu hebat dan indah sebagai lambang kekuatan dan ketamadunan Islam. Masjid didirikan di lokasi yang sangat strategik khususnya di pusat penempatan atau kota-kota besar dunia. Binaan masjid yang mempunyai nilai estetika dan seni bina yang hebat boleh menarik perhatian dan kunjungan bukan sahaja umat Islam, bahkan kepada masyarakat bukan Islam. Keindahan seni bina masjid telah menjadi salah satu daya tarikan pelancong sekaligus menjadi produk pelancongan yang berpotensi dalam penjana ekonomi sesebuah negara. Kajian ini bertujuan mengukur potensi masjid untuk diketengahkan sebagai salah satu tarikan pelancongan di bawah kategori pelancongan Islamik. Data-data diperoleh*

---

melalui kajian-kajian lepas yang menyentuh terhadap kajian yang berkaitan masjid dan pelancongan di Malaysia. Hasil kajian mendapati masjid mampu menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan melalui kegiatan inap masjid, ziarah, dan ibadah di masjid; dan program 'Mosque Tourism'. Kajian ini cukup signifikan kerana Malaysia merupakan destinasi pelancongan yang menawarkan pelbagai kategori produk pelancongan kepada pelancong sama ada tempatan atau antarabangsa.

©2021 UiTM Kedah. All rights reserved.

---

## PENDAHULUAN

Pelancongan masjid merupakan satu subset kepada pelancongan Islam. Terdapat banyak sekali agen pelancongan yang menggunakan simbol masjid sebagai daya tarikan pelancong di laman web. Bagi memastikan kedatangan 36 juta pelancong antarabangsa dengan sasaran pendapatan sekurang-kurangnya RM3 billion setiap minggu menjelang 2020, industri pelancongan telah diletakkan di bawah salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) [1]. Terdapat 38 buah negara Islam yang terlibat secara serius dalam industri pelancongan, namun begitu hanya 10 negara yang benar-benar memberi impak yang besar pada peringkat antarabangsa. Dalam perihal ini, [2] menyebut Malaysia merupakan salah satu negara antara 10 negara yang dinyatakan. Negara lain ialah Turki, Mesir, Maghribi, Indonesia, Arab Saudi, Lubnan, Tunisia, Syria, dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Satu daripada destinasi lawatan para pelancong asing ke negara-negara Islam ialah menziarahi masjid. Justeru, Masjid al-Haram dan Masjid Nabawi di Arab Saudi, Masjid Aya Sofia dan Masjid Biru (*Blue Mosque*) di Turki, Masjid Istiqlal di Indonesia, Masjid Hasan 2 di Casablanca, Maghribi dan Masjid Negara di Malaysia merupakan beberapa aset yang dapat menarik para pelancong untuk menziarahi negara-negara tersebut. Apa yang pasti, matlamat untuk menyebarkan peranan masjid tidak akan tercapai sekiranya aspek-aspek fizikal dan pembangunan masjid terbiar. Dalam perihal ini, [3] dalam kajiannya mendapati ketiadaan perancangan dan penyelarasan yang baik, kelemahan dalam pelaksanaan peraturan dan kawalan, kepimpinan yang gagal menaikkan imej dan status masjid, tanah wakaf yang terbiar, bangunan fizikal masjid yang hambar dan kemudahan yang terbatas merupakan antara faktor yang menyebabkan fungsi masjid tidak berjalan dengan baik.

Menurut [2] menyatakan pelancong Islam menyumbang sebanyak tujuh peratus daripada kira-kira USD 2.5 trilion (RM8.5 trilion) di seluruh dunia. Dengan mengambil kira Malaysia sebagai sebuah negara yang dihuni oleh majoriti masyarakat Islam, adalah wajar masjid-masjid yang beraneka bentuk di negara ini dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan.

## KONSEP MASJID

Pengarang *mu'jam al-wasit* menyatakan perkataan masjid diambil daripada perkataan *sa-ja-da*, *yas-ju-du*, *saj-dan* bermaksud 'sujud', 'tunduk' atau taat [4]. Menurut [5] perkataan masjid berasal dari bahasa Aram, iaitu *masgid* (ditemui dalam sebuah inkripsi pada abad 5 SM). Dalam bahasa Aram, *masgid* bermaksud tempat sembah atau 'tiang suci'. Istilah masjid cukup popular dengan nama 'mosque' dalam bahasa Inggeris dan *mezquita* dalam bahasa Latin. Berdasarkan [6], masjid dinyatakan sebagai satu 'bangunan' khusus

bagi umat Islam melaksanakan solat Jumaat dan ibadah yang lain. Al-Quran menyebut perkataan masjid sebanyak 26 kali dan ini menunjukkan peranan masjid sebagai pusat pembangunan komuniti Islam cukup besar [7]. Berdasarkan definisi awal di atas, dapat dinyatakan bahawa masjid merupakan tempat sujud, iaitu suatu tempat yang menjadi tempat beribadah bagi masyarakat Islam. Ciri yang membezakan masjid dengan tempat ibadah Muslim yang lain seperti surau, musolla atau langgar ialah ibadah solat Jumaat dilaksanakan di masjid. Selain dijadikan sebagai pusat ibadah, masjid juga berperanan menjadi pusat kegiatan komuniti masyarakat Muslim seperti sambutan perayaan, diskusi agama, urusan nikah kahwin, pembelajaran al-Quran dan sebagainya.

Dari aspek historiografi, masjid pertama yang dibangunkan oleh Rasulullah ialah masjid at-Taqwa di Quba' (622 M), iaitu ketika perjalanan hijrah baginda dari Mekah ke Madinah. Bagi memastikan pengimarah masjid ini, Rasulullah telah menempatkan Muaz bin Jabal untuk menjaga masjid ini [8]. Dengan demikian, masjid Quba' merupakan rumah ibadah yang pertama dan menjadi model selanjutnya bagi umat Islam mendirikan masjid. Ketika Rasulullah sampai ke Madinah, langkah pertama yang dilakukan oleh baginda ialah mendirikan Masjid Nabawi yang bersaiz sederhana (dengan saiz 35m x 30m) dengan berindingkan tanah, bertiangkan batang kurma dan beratapkan pelepah-pelepah tamar. *Shuffah*, iaitu satu ruangan khusus untuk orang-orang muhajirin yang miskin didirikan. Antara masjid yang telah sedia ada pada zaman Rasulullah ialah Masjid al-Aqsa di Baitul Muqaddis dan Masjid al-Haram di Mekah. Masjid al-Haram, Masjid Nabawi dan Masjid al-Aqsa merupakan tiga masjid yang mempunyai keutamaan peribadatan kepada umat Islam. Mengambil kira faktor tersebut, masyarakat Islam berlumba-lumba datang untuk melakukan ziarah dan selanjutnya melaksanakan ibadat di ketiga-tiga masjid ini. Hal ini menunjukkan amalan pelancongan dalam Islam amat berkait rapat dengan pelaksanaan rukun Islam itu sendiri.

Menurut [9], setiap masjid mempunyai sekurang-kurangnya empat jenis ruang utama, iaitu ruang sembahyang utama, ruang serambi, ruang solat wanita serta ruang berwuduk dan bersuci. Ruang solat merupakan ruang yang terbesar digunakan untuk tujuan melaksanakan ibadah solat, membaca al-Quran, ceramah agama, urusan perkahwinan dan sebagainya. Ruang serambi berperanan sebagai ruang untuk menampung jemaah apabila berlaku limpahan makmum, ruang untuk berehat dan tidur, ruang untuk makan bersama dan ruang bermasyarakat atau berbual. Ruang sembahyang utama juga seringkali digunakan sebagai ruang untuk majlis akad nikah.

Salah satu perkara yang menjadi daya tarikan para pelancong ke Malaysia ialah lawatan ke masjid bagi melihat seni bina, keindahan menara, mihrab, mimbar, tempat wuduk, hiasan dalaman masjid, cara umat Islam melaksanakan sembahyang, melihat peranan imam, mendengar kemerduan suara muazzin dan melihat peranan makmum. Perhatian ini menunjukkan bahawa pusat-pusat keagamaan mampu menjana pendapatan terhadap industri pelancongan di Malaysia.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Tidak banyak kajian yang dilakukan tentang peranan masjid dalam merangsangkan pelancongan di Malaysia. Antara kajian yang dilakukan oleh para pengkaji tentang masjid ialah kajian yang dilakukan oleh [10] yang bertajuk 'Pemeriksaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari' mendapati penyediaan dan penyusunan aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Masjid dapat menarik minat masyarakat untuk menziarahi masjid. Bagi menggalakkan pelancongan masjid, Rujukan [10] mencadangkan masjid perlu diperkasakan dengan mewujudkan rumah tumpangan (*homestay*). Situasi ini bermakna

masjid boleh memainkan peranan sebagai agensi pelancongan (*travel & tours*) dan dalam masa yang sama dakwah Islami dapat disebar luas kepada para pelancong.

Menurut [11] dalam kajiannya yang bertajuk 'Masjid Mengendalikan Penginapan: Pilihan Alternatif Kepada Industri Pelancongan' menjelaskan bahawa kemudahan-kemudahan penginapan di kawasan masjid memberi pilihan kepada pelancong untuk menginap dalam suasana beramal di masjid. Beliau menyarankan, rumah-rumah yang tidak digunakan di dalam kompaun masjid (asalnya diperuntukkan untuk Imam dan Bilal) digunakan untuk tujuan ini. Berkait dengan ini [12] menyarankan agar nilai-nilai disiplin, penekanan dalam aspek kebersihan, kesantunan, kesabaran, keikhlasan perlu menjadi rujukan bagi masyarakat yang menguruskan pelancongan Islam.

Selanjutnya, kajian yang dilakukan oleh [13] yang bertajuk 'Analisa Faktor Kecacatan Pada Usia Bangunan Masjid Terapung: Aplikasi Matriks Condition Survey Protocol (CSP)' menyatakan bahawa perkara yang menjadi daya tarikan pelancong terutama pelancong bukan Islam ketika melawat masjid ialah melihat keindahan menara, seni bina masjid, mihrab, mimbar, hiasan dalaman masjid yang tenang, tempat wuduk, peranan imam, kemerdekaan suara muazzin, peranan makmum dan cara umat Islam menunaikan sembahyang. Bagi umat Islam, daya tarikan ini kelihatan perkara biasa tetapi bagi orang bukan Islam adalah sesuatu yang perlu diketahui secara mendalam kerana suasana ketenangan rumah Allah itu dilihat agak berbeza dengan suasana rumah ibadat agama lain. Oleh kerana masjid terapung merupakan masjid perlancongan dan aset negara yang penting, masjid ini perlu diselenggara dengan baik dan sistematik agar dapat mengekalkan nilai estetik bangunan yang menjadi tumpuan orang ramai serta bersesuaian dengan kos pembinaan yang tinggi.

Kajian yang dilakukan oleh [14] yang bertajuk 'Analisa Kajian Lapangan ke atas Kecacatan Pada Bangunan Masjid Lama di Malaysia' menyatakan masjid-masjid lama sama seperti bangunan lama bersejarah yang lain juga telah memberi sumbangan besar dalam penceritaan sejarah negara. Penonjolan identiti dan suasana suatu tempat menerusi kepelbagaian transformasi gaya seni bina masjid merupakan penyumbang pendapatan melalui sektor pelancongan. Malah, selain berfungsi sebagai medium untuk mempromosikan identiti bandar dan negara, masjid yang dikategorikan sebagai 'bangunan warisan' ini merupakan elemen ketara dalam merangsangkan ekonomi melalui aktiviti pelancongan.

Berdasarkan kajian lepas, dapat dinyatakan bahawa fokus kajian melihat kepada cadangan agar kawasan masjid boleh dibangunkan sebagai 'rumah inap', penyelenggaraan masjid dan kecacatan bangunan masjid. Secara umumnya, melalui sorotan kajian lepas, kajian tersebut banyak membincangkan dan memberi penekanan kepada aspek seni bina dan ukiran. Biarpun masih belum ditemui kajian yang menyentuh secara khusus tentang pelancongan masjid, namun kajian-kajian lepas mampu menyumbang nilai tambah terhadap kerangka kajian yang dijalankan dalam penyelidikan ini.

## MASJID SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN ISLAM

Jumlah masjid di seluruh Malaysia yang berdaftar dengan jabatan agama adalah sebanyak 6,292 buah dan jumlah surau pula ialah sebanyak 18,099 [15]. Sebahagian besar masjid hanya memberi fokus kepada urusan peribadatan sahaja dan hanya sebilangan kecil masjid sahaja yang dibangunkan untuk tujuan berkaitan industri pelancongan. Aspek keindahan yang terdapat pada sesebuah masjid menjadi salah satu aset tarikan kepada pelancong [11]. Menurut [16] menyatakan bahawa masjid berpotensi menyumbang kepada pembangunan tamadun manusia jika diurus dengan berkesan.

Di Malaysia, pelancong asing dan tempatan menjadikan masjid sebagai salah satu destinasi untuk dilawati. Masjid Negara misalnya, setiap tahun meraikan pelbagai pelancong dari dalam dan luar negara selama hampir 50 tahun. Pada tahun 2010 sahaja, sejumlah 2,252 dari dalam dan luar negara telah berkunjung ke masjid Negara. Perangkaan ini menunjukkan lawatan ke masjid bukanlah merupakan suatu perkara yang asing dalam sektor pelancongan [17]. Konsep pelancongan dalam Islam pada asalnya merupakan perjalanan seseorang

individu keluar dari kediamannya bagi satu tempoh yang tertentu dengan tujuan berkaitan spiritual, fizikal, dan sosial. Perkara ini ditegaskan dalam al-Quran misalnya surah Al-Imran: 137, Al-An'am: 11, Al-Nahl: 36, Al-Naml: 69, Al-Hajj: 46 dan Al-Mulk: 15. Secara keseluruhannya perjalanan tersebut dikaitkan dengan perjalanan untuk melaksanakan haji, umrah, rihlah, dan ziarah.

Di Malaysia, konsep pelancongan Islam sebagai suatu bidang atau industri atau aktiviti yang berkaitan dengan pengembaraan untuk melawat tempat-tempat yang mempunyai sejarah Islam, mengenali budaya serta warisan Islam dan juga untuk memahami dan menjalani cara hidup masyarakat Islam. Dapat dikatakan bahawa pelancongan Islam merupakan pelancongan yang berlandaskan syariah dan mengikut tuntutan iman. Selain itu, pelancongan Islam juga mestilah tidak diselangi oleh sebarang niat dan tujuan, unsur dan aktiviti yang bertentangan selaras dengan kehendak syariah [18].

Menurut [2] menyatakan bahawa pelancongan Islam merupakan pelancongan yang berasaskan keagamaan dan kunjungannya meliputi tempat-tempat suci pada sepanjang tahun. Dari sudut agama, industri pelancongan Islam sewajarnya perlu mengikut ajaran asas yang dibawa oleh Islam termasuklah mengasingkan jantung, kawasan bebas dari alkohol, penganjuran aktiviti mestilah berunsur keislaman serta pengamalan kewangan berteraskan Islam. Menurut [19], kunjungan ke tempat-tempat suci ini menjadi teras kepada pelancongan keagamaan, namun bukan hanya melibatkan aktiviti tersebut sahaja.

Apa jua aktiviti dan produk yang dapat membangunkan pelancongan Islam perlulah dibangunkan agar para pelancong mudah memperoleh manfaatnya. Dengan demikian, [12] meletakkan pelancongan dalam Islam tidak dapat dipisahkan dengan pelaksanaan ibadah itu sendiri. Pelancongan masjid dapat mendorong dan menggerakkan langkah-langkah yang memberi faedah kepada masyarakat sekitar seperti kemudahan untuk membeli barangan, restoran, penginapan dan perihal yang berkait keilmuan. Hal ini bermakna, selain berperanan sebagai pusat kegiatan agama, masjid mampu memberi manfaat kepada industri pelancongan Islam. Masjid-masjid di Malaysia berpotensi menjadi destinasi pelancongan disebabkan:

## **Memiliki Seni Bina Yang Menarik**

Rujukan [9] telah mengklasifikasikan empat bentuk seni bina masjid di Malaysia, iaitu masjid warisan, masjid Sino-Eklektik, masjid kolonial, dan masjid gaya *hypostyle*. Masjid warisan di Malaysia lebih mirip kepada binaan rumah warisan Melayu dengan dihiasi bumbung yang berlapis-lapis. Masjid Tua Kampung Laut di Kelantan, Masjid Papan, Masjid Lenggeng di Negeri Sembilan, Masjid Langgar di Kelantan dan masjid Kampung Tuan di Terengganu merupakan beberapa contoh masjid warisan. Masjid Sino-Eklektik dibina dengan ragam hias dan perlambangan menggunakan seni bina dari negara China. Antaranya ialah Masjid Kampung Hulu, Masjid Tengkeri, Masjid Kampung Keling di Melaka dan Masjid Undang Kamat serta beberapa buah masjid lain di Negeri Sembilan. Masjid Kolonial pula dibangunkan oleh penjajah Inggeris dan telah dimulakan pembinaannya di akhir kurun ke-19 dan ada yang pembinaannya menjangkau sehingga awal kurun ke-20. Gaya seni bina Neo-Classic, Gothic Revival, Moorish, Mogul dan Eclectism telah dibawa masuk ke Tanah Melayu. Antara masjid yang dibangunkan dengan menggunakan pendekatan tersebut ialah Masjid Zahir di Alor Setar (1912), Masjid Jamek Kuala Lumpur (1909) Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar (1913), Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru (1893), Masjid Muhammadi di Kota Bharu (1867), Masjid Sultan Ibrahim di Muar (1920an) dan Masjid Kampung Paloh di Ipoh (1912). Seterusnya, masjid dengan gaya *hypostyle* diilhamkan daripada pembinaan Masjid Nabawi di Madinah. Seni bina gaya '*hypostyle*' merujuk kepada bentuk binaan asalnya sebagaimana yang telah digunakan untuk menggambarkan sebuah ruang yang dipenuhi dengan tiang-tiang bagi menyokong bumbungnya. Seni bina yang pelbagai memberi kesan yang nyata terhadap fizikal kawasan tersebut sebagai nilai sejarah dan produk pelancongan yang tersendiri.

Selanjutnya, pembinaan masjid kontemporari seperti Masjid Wilayah, Masjid Besi di Putrajaya, Masjid Sultan Salahuddin di Shah Alam dan Masjid UTM berorientasikan penggunaan kubah bawang, kubah tinggi atau kubah separa sfera yang besar merupakan adaptasi terhadap reka bentuk masjid Islam terdahulu [20].

### **Inap Masjid**

Idea untuk memperkenalkan aktiviti 'inap masjid' telah dilaksanakan di beberapa buah masjid di Malaysia. Program inap masjid dikenal pasti telah dilaksanakan semenjak awal 1960-an dan 70-an lagi. Rujukan [21] menyatakan ramai saudara-mara turut bersama menghantar jemaah haji ke pelabuhan terdekat. Lazimnya, pilihan untuk menginap adalah di masjid-masjid berdekatan. Penginapan untuk para musafir berkembang di masjid secara berperingkat. Antaranya dikembangkan dengan sistematik oleh Masjid Al-Ghufran, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur [22].

Selain itu, Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tampil menyediakan kemudahan yang sama [23]. Terdapat juga beberapa lagi masjid seperti Masjid Jamek Alam Shah di pusat bandar Kuala Lumpur [24] dan Masjid All'tisam, Taman Tun Dr. Ismail Jaya, Shah Alam dalam usaha untuk membangunkan penginapan berkonsep rumah musafir. Rujukan [1] menyatakan konsep penginapan yang dikembangkan oleh masjid ini boleh memenuhi keperluan yang ditimbulkan oleh pengguna-pengguna Islam terbabit. Tambahan lagi keperluan pelancongan telah berkembang dan menjadi keperluan setanding dengan keperluan lain dalam kehidupan. Keperluan untuk menyambung pendidikan ke institusi pengajian tinggi, sambutan konvokesyen, majlis perkahwinan merupakan beberapa contoh keperluan untuk melancong pada hari ini. Selain itu, perkara yang perlu menjadi pertimbangan masyarakat Muslim ketika melancong ialah keperluan makanan halal dan perkhidmatan yang mesra pengguna Islam. Masalah kesukaran untuk melaksanakan ibadah dan kewujudan unsur-unsur maksiat di lokasi penginapan menjadi dilema kepada sebilangan Muslim untuk menginap sesuatu tempat [11]. Justeru, penginapan patuh syarak mampu merubah imej negatif terhadap industri pelancongan Islam. Sekaligus, kesulitan yang dihadapi ini mewajarkan masjid berperanan agar dapat memenuhi tuntutan melancong tanpa mengabaikan tuntutan agama.

Memandangkan hotel mengenakan bayaran yang tidak semuanya mampu ditunaikan oleh pelancong, masjid berupaya menyediakan penginapan yang berkebakjian sebagai suatu alternatif. Projek inap masjid atau rumah musafir yang disediakan menjadikan masjid sebagai salah satu pusat penginapan para pelancong Islam dan dalam masa yang sama memudahkan para musafir melaksanakan ibadah.

### **Mempromosi Pakaian Menutup Aurat**

Kebenaran masyarakat bukan Muslim untuk melakukan lawatan hingga ke dalam masjid adalah didasarkan kepada satu hadis yang diriwayatkan oleh [25]. Kisah ini dijelaskan apabila satu kumpulan tentera Islam yang kembali dari perang Nejad telah membawa seorang tawanan perang bernama Tsumamah Utsaal dari Bani Hanifah yang ketika itu belum beragama Islam dan diikat pada satu tiang di masjid. Lalu Rasulallah mengarahkan agar tawanan tersebut dilepaskan. Kemudian Tsumamah berangkat menuju ke kebun kurma berhampiran masjid dan mandi di situ. Selepas itu, Tsumamah masuk semula ke dalam masjid sambil melafazkan kalimah dua syahadah untuk menjadi seorang muslim. Seandainya tindakan membawa seseorang bukan Islam ke dalam masjid menjadi satu kesalahan tentu sekali Rasulallah SAW akan menegur tindakan sahabat membawa masuk Tsumamah ke

dalam masjid itu. Namun, dalam perihal ini, [26] menyatakan orang kafir tidak dibenarkan masuk ke Masjidil Haram dan mereka tidak dilarang untuk masuk ke dalam masjid lain.

Peranan masjid sebagai pusat kegiatan ilmu sejak berzaman lamanya tidak dapat dinafikan. Dengan menyetengahkan program-program agama yang diberi nafas baharu seperti menjemput tokoh-tokoh yang popular, mengadakan seminar, konferensi dan bengkel; masjid berperanan sebagai tempat menyalurkan ilmu dan dalam masa yang sama mengajak orang ramai bersama-sama bertandang ke situ. Malahan kegiatan-kegiatan yang dijalankan di masjid mampu mengajak masyarakat bukan Muslim mengenal lebih dekat syiar Islam. Sebagai contoh, Universiti Sains Malaysia mengambil inisiatif memperkenalkan program *Mosque Tour Week 2015* bagi memperkenalkan nilai dan fungsi masjid kepada masyarakat bukan Muslim. Tujuannya adalah untuk menarik masyarakat di luar sana agar memberi perhatian terhadap fungsi masjid yang lebih luas yang bukan hanya dikhususkan kepada upacara ibadah semata-mata. Tema "*The Quranic Garden*" dan berkonsepkan tarikan pelancongan sememangnya mampu menarik golongan bukan Muslim khususnya untuk lebih mengenali dan menghayati nilai-nilai Islam [27].

Sebagai satu jaminan memelihara kesucian masjid, pihak pengurusan masjid meletakkan peraturan-peraturan tertentu untuk melakukan ziarah di dalam masjid. Antaranya ialah tidak mengenakan kasut semasa di dalam masjid, memakai jubah dan tudung yang disediakan, menyediakan pemandu pelancong bagi menerangkan perihal masjid, tidak mengganggu pengunjung masjid yang sedang bersolat dan menggunakan ruang berasingan bagi perempuan dan lelaki [17]. Sekaligus, selain mempromosikan masjid sebagai produk pelancongan, melalui peranan pemandu pelancong pelaksanaan syiar Islam dan fungsi binaan masjid dapat dijelaskan kepada para pelancong. Semua ini bermakna pelancongan masjid dapat mempromosikan dimensi dakwah kepada para pelancong bukan Muslim.

## KESIMPULAN

Bagi pelancong Muslim, setelah melakukan lawatan dan ziarah ke pelbagai tempat menarik, masjid pastinya menjadi tempat yang wajib dikunjungi bagi memenuhi keperluan asas agama yakni pelaksanaan ibadah solat manakala bagi seorang bukan Muslim, pelancongan masjid sedikit sebanyak mampu membetulkan salah faham mereka terhadap Islam dan masyarakatnya. Untuk itu, masjid perlulah ditonjolkan sebagai satu destinasi yang perlu dilawati oleh setiap pelancong. Sekaligus, keunikan dan kepelbagaian seni bina masjid yang ada di Malaysia mampu memberi sumbangan dalam membangunkan ekonomi negara melalui pelbagai kegiatan pelancongan Islam.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin menzahirkan rasa syukur kepada Allah SWT yang telah menganugerahkan taufik dan hidayahnya sehingga terhasilnya artikel ini. Penulis juga ingin menyampaikan penghargaan kepada unit Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (PJIA), UiTM Terengganu yang telah membiayai penyelidikan dan pembentangan kertas kerja yang telah kani sertai di IMDc 2018. Tanpa pembiayaan dari pihak PJIA, UiTM Terengganu, sudah tentu artikel ini tidak dapat diterbitkan. Akhir kalam, penulis ingin menyatakan rasa terima kasih kepada semua individu yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan penerbitan artikel ini.


## RUJUKAN

- [1] Fauziah Che Leh. Pelancongan bandar dan isu keselamatan: Kajian kes pelancong antarabangsa Kuala Lumpur. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 8, (110 - 122). 2016.
- [2] Jabil Mapjabil, Ratna Roshida Abd Razak, Mazdi Marzuki, Rosmiza Mohd Zainol. Pelancongan Islam: Suatu Tinjauan Konseptual. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 11 issue 1 (172 – 182). 2015
- [3] Yusmini Md. Yusoff, Mohd Anwarulhaq Sulaiman, Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap aktiviti Masjid-Masjid Negeri Di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 20: 201-222. 2004.
- [4] Syauqi, D. al-Mu'jam al-Wasit. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah. 2004.
- [5] *Encyclopaedia of Islam*. Routledge: Oxford. 2013
- [6] *Kamus Dewan*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. 2010
- [7] Roslan, M. Masjid Sebagai Medan Pembangunan Insan. *Jurnal YADIM*. 2008.
- [8] Syafe'i, M., & Ag, M. Masjid Dalam Perspektif Sejarah dan Hukum Islam. 2014. *Online*. ([http://file.upi.edu/Direktori/FPIPS/M\\_K\\_D\\_U/195504281](http://file.upi.edu/Direktori/FPIPS/M_K_D_U/195504281))
- [9] M. Surat, M.T.M. Rasdi, A.R. Musa, N. Utaberta1, M.M. Tahir. Salah Tanggapan Terhadap Kubah Pada Senibina Masjid: Pengaruh Pengisian Sejarah Dalam Hasrat Rekabentuk Masjid. *Mosque Edition*. 1-16. 2017.
- [10] Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man. Pemerkasaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT* (<http://journale-academiauitmt.edu.my/>) 5 (2). 2016
- [11] Noor Fiteri, A. Masjid mengendalikan penginapan: Pilihan alternatif kepada industri pelancongan. *Terengganu International Tourisme Conference*. 2013 Diakses daripada [https://www.academia.edu/4376912/Masjid\\_Menghasilkan\\_Penginapan\\_Pilihan\\_Alternatif\\_Kepada\\_Industri\\_Pelancongan](https://www.academia.edu/4376912/Masjid_Menghasilkan_Penginapan_Pilihan_Alternatif_Kepada_Industri_Pelancongan)
- [12] Shofwan Karim. Pembangunan Pariwisata Dalam Perspektif Islam. *TAJDID*, Vol. 16, No.1; Juli 2013. 117-126. 2013.
- [13] E.M. Mazlan, A.I. Che-Ani, A. Mohd Sarman, N. Tawil.. Analisa Faktor Kecacatan Pada Usia Bangunan Masjid Terapung: Aplikasi Matriks *Condition*. *Journal Design + Built*. V.1. 9-17. 2017.
- [14] Johar, S., Ahmad, A.G., Che-Ani, A.I., Tawil, N.M. and Usman, I.M.S., Analisa Kajian Lapangan Ke Atas Kecacatan Pada Bangunan Masjid Lama Di Malaysia. *Journal of Design and Built*, (2). 44-62. 2011.



- [15] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Diakses pada 10 Jun 2018 dari [masjid.islam.gov.my](http://masjid.islam.gov.my).
- [16] Nik Aziz, N. P. Konsep amalan masjid terbaik. Dalam Abd.Hamid (Ed.), *Islam Hadhari Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang* (pp. 93–179). Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari. 2007.
- [17] Siti Rokyah Md Zain, Ros Norita Abd Samad and Mohamed Muneer Samsudin. Masjid Sebagai Produk Pelancongan? Satu Tinjauan. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016)*. 16-21.
- [18] Zairin Akma Zolkapli, Chamhuri Siwar, Habibah Ahmad dan Hamzah Jusoh. Taman Tamadun Islam Sebagai Produk Pelancongan Islam: Persepsi, Kepuasan dan Jangkaan Pelancong. *Prosiding PERKEM VIII, JILID 1* (2013) 179 – 190.2013.
- [19] Dadpour R. An analysis of the gap between cultural and religious tourism in Iran: A case study on Mashad. *Proceedings of 2nd National Symposium on Tourism Research*, pp.76-82. Universiti Sains Malaysia, Penang. 2009
- [20] N. Utaberta, H. Othman, M. Surat. Dokumentasi, Analisis Dan Penggunaan Hadith: Satu Penilaian Keatas Rekabentuk Masjid Moden Di Malaysia. *Journal of Building Performance*. V.1. 29-56. 2010.
- [21] Badaruddin, M., & Yusnita, Y. Malaysian domestic travelers: Characteristic and behavior. *Universiti Sains Malaysia*. Minden. 2009 Retrieved Okt 23, 2017, from <http://eprints.usm.my/8601/>
- [22] Faizal, R. Hotel Dan Masjid Dalam Satu Kompleks. *Milenia Muslim*, 14.September 2009.
- [23] Zuarida, M. (2010, October 1). Penginapan selesa Masjid Wilayah. *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur. Retrieved from [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)
- [24] Mohd. Zulfadli, S. (2012, July 14). UMNO Cheras lancar rumah musafir. *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur. 14 Julai 2014 Retrieved from [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)
- [25] Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail Abu ʿAbd Allah. 1972. *Jamiʿ Al-Sahih*. Qaherah: Al-Matbaʿah al Salfiyah Wa maktabahaj.
- [26] Al-Qurtubī, Abī ʿAbdillah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari. *Al-Jāmiʿ lil Ahkām al-Qurān*, ed. ʿAbdillah ibn ʿabd al-Hassan al-Tarki. Al-Qahirah: Dar al Katib al-arabi al-Tobaah wa al-nasyr.1967
- [27] Osman. Dekati Masjid Sebagai Wadah Ilmu. [2015] <http://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/539-dekati-masjid-sebagai-wadah-ilmu>





Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani

**e-ISSN: 2682-7840**

